

05 OCT 2002

Mahathir-Ekstremis

PARTI KOMPONEN HARUS SEDIA HADAPI CABARAN MASA DEPAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN), dalam memperjuangkan cita-cita bangsa dan negara, harus bersedia menghadapi cabaran masa depan termasuk tekanan ekstremisme kaum dan agama, kefanatikan berpolitik dan chauvinisme kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata puak ekstremis ini sebenarnya amat berbahaya kepada masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan jika tidak ditentang, kemungkinan mereka mencetuskan huru-hara kaum atau agama di Malaysia.

"Puak-puak ini sebenarnya mempunyai pandangan yang singkat dan pemikiran yang sempit.

"Justeru itu, saya menyeru semua parti komponen BN supaya bertindak lebih berani dan sentiasa bersatu dalam memperjuangkan matlamat dan cita-cita BN untuk melahirkan masyarakat yang satu hati dan hidup dalam keadaan aman sejahtera, selamat, maju dan makmur," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Persidangan Perwakilan ke-31 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) di ibu pejabat parti itu di sini. Upacara perasmian itu juga dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan ketua-ketua parti komponen BN.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata BN berpendirian bahawa masa depan negara terletak kepada toleransi, keharmonian dan saling hormat-menghormati di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama.

"BN sebenarnya telah berjaya mengekalkan pengaruh dan kewibawaanya sebagai sebuah parti perikatan yang berjaya merintis dan membawa rakyat majmuknya membangun dalam sebuah negara yang demokratik dan adil," kata Perdana Menteri.

Katanya parti-parti komponen BN tidak harus berasa tergugat apabila mereka diugut oleh sesetengah pihak termasuk puak ekstremis kaum atau agama.

Dr Mahathir berkata mereka harus berani menghadapi puak ekstremis secara berdepan dan tidak takut akan kehilangan populariti atau pengaruh daripada masyarakat atau kaum mereka.

Parti komponen juga harus berdiri teguh di belakang BN kerana kerajaan BN diberi mandat oleh rakyat untuk menjaga hal-ehwal kehidupan mereka.

"Parti-parti komponen harus sedar bahawa puak-puak ekstremis ini adalah segelintir daripada masyarakat kita. Mereka tidak mempunyai sokongan ramai atau padu daripada masyarakat. Kita juga tahu bahawa umumnya masyarakat tidak suka kepada kekerasan atau perbuatan melampau oleh mana-mana pihak," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun parti-parti komponen BN bersifat perkauman, tindakan mereka selama ini menjurus kepada kepentingan rakyat dan kemajuan negara.

Katanya segala keputusan yang dibuat oleh kerajaan BN mempunyai konsensus atau persetujuan sebulat suara oleh semua parti komponen dan dengan sokongan itu, sebarang keputusan atau tindakan kerajaan adalah mantap.

"Adalah tidak benar jika ada dakwaan yang menuduh hanya satu parti komponen sahaja yang membuat keputusan dan yang lain mengikut telunjuk atau menganggu sahaja," tegasnya.

Dr Mahathir berkata sebarang perkara yang dibangkitkan parti komponen BN dibincang secara terperinci termasuk kesan cadangan itu kepada rakyat

dan negara dan pada masa inilah parti-parti komponen akan "bertengkar" antara mereka hinggalah satu keputusan muktamad dicapai sebulat suara.

Beliau berkata parti komponen BN juga tidak perlu berasa takut atau gentar dengan sebarang keputusan atau tindakan yang dibuat oleh kerajaan BN.

"Mereka tidak perlu berasa bahawa mereka sahaja bertanggungjawab ke atas keputusan kerajaan. Dan mereka tidak perlu bimbang atas tuduhan atau bantahan yang dilemparkan rakyat khususnya daripada masyarakat kaum mereka," katanya.

Dr Mahathir juga berkata parti komponen BN tanpa mengira jumlah keanggotaannya, tidak harus berasa kecil diri dan sebaliknya harus berdiri gagah sebagai anggota BN.

Jika parti komponen bertindak sendirian maka parti itu akan berasa kecil diri dan tertekan apabila pihak lain termasuk rakan komponennya mengecam tindakannya.

"Kita harus ingat apabila tindakan diambil oleh kerajaan BN, kita sebenarnya mewakili BN dan bukannya diri sendiri," katanya.

-- BERNAMA

SR ZS RON